

PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6188 | Faks : +606 331 6115

Rujukan Kami (Our Ref.) : **UTeM.03.04.01/100-3/3/2Jld.4 (5)**
Rujukan Tuan (Your Ref.) :

14 Rabiulakhir 1435
14 Februari 2014

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 5/2014

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti teknikal Malaysia Melaka,

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PERLANTIKAN SYARIKAT INSURANS BAGI PERLINDUNGAN TAKAFUL MELALUI PROSES PEROLEHAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan perlantikan syarikat bagi perlindungan takaful kenderaan, harta dan pelajar melalui proses perolehan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Universiti telah mula menggunakan perkhidmatan syarikat insurans bagi perlindungan takaful untuk kenderaan, harta dan pelajar sejak tahun 2002. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2/2002 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5/2002 telah meluluskan perlantikan Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. sebagai wakil korporat dalam menguruskan perlindungan takaful Universiti.

- 2.2 Perlindungan takaful yang dipilih adalah berteraskan sistem perniagaan Islam seperti pelaburan halal yang diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah, tiada unsur riba dan maisir (judi), tiada unsur gharar (tidak jelas) dan mengamalkan perkongsian untung (mudharabah) antara peserta dan syarikat takaful.
- 2.3 Pada September 2011 Syarikat MAA telah dipilih sebagai agen takaful bagi insurans pelajar menggantikan Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.
- 2.4 Bermula Januari 2013, Koperasi UTeM Berhad telah dipilih untuk menjadi agen insurans kenderaan menggantikan Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.
- 2.5 Bagi tujuan penyeragaman kaedah lantikan dan sejajar dengan peraturan sedia ada, tatacara perolehan perlantikan syarikat insurans telah dikaji semula dan dikemaskini selaras dengan hasrat Universiti untuk mempertingkatkan sistem penyampaian yang lebih berkesan.
- 2.6 Kertas kerja tersebut telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil.4/2013 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.6/2013.

3.0 PELANTIKAN SYARIKAT INSURANS MELALUI PROSES PEROLEHAN

- 3.1 Pekeliling Bendahari Bil. 1/2007, Para 2.3;

Perkhidmatan

'Perkhidmatan adalah ditakrifkan sebagai khidmat tenaga manusia atau kepakaran/kemahiran yang diperolehi untuk melaksana dan menyiapkan sesuatu kerja tertentu.

Para 2.3.2;

Perkhidmatan Bukan Perunding

'Perkhidmatan bukan perunding meliputi perkhidmatan pengendalian termasuk pengendalian kursus dan latihan, penyelenggaraan dan pembaikan, pencucian dan pembersihan, penyewaan dan pengurusan bangunan, pengiklanan, pengangkutan dan sebagainya.'

- 3.2 Berdasarkan takrifan yang dinyatakan, didapati perlantikan syarikat insurans adalah tertakluk kepada peraturan perolehan kerajaan. Pelantikan syarikat insurans ini meliputi perlindungan takaful untuk kenderaan, harta dan pelajar.

4.0 KAEDAH DAN HAD NILAI PEROLEHAN

- 4.1 Had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Had nilai	Pihak Berkuasa Melulus	Tanggungjawab
Sehingga RM50,000	Jawatankuasa Perolehan Terus Bekalan dan Perkhidmatan PTj	Memastikan semua urusan berkaitan perlantikan syarikat insurans mematuhi dasar dan prinsip-prinsip perolehan
Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga	
Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan 'B' atau 'A'	

5.0 PEMBATALAN

5.1 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, peraturan ini adalah dibatalkan

5.1.1 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2/2002 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5/2002.

5.1.2 Perlantikan MAA sebagai agen insurans pelajar

5.1.3 Perlantikan Koperasi UTeM Berhad sebagai agen insurans kenderaan.

6.0 KUATKUASA PEKELILING

6.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. *Wassalam*

Saya yang menurut perintah,



(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Sab/Perolehan/Pekeliling Bendahari

s.k **Y. Bhg. Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Prof. Dr. Shahrin Bin Sahib@Sahibuddin
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi